



Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU
MINGGU PERTAMA
SETIAP BULAN

6 OGOS 2011



e-mail:beritasawit@mpob.gov.my

Menteri ke Australia kemuka bantahan

Malaysia bimbang pelabelan minyak sawit dalam produk makanan dilulus oleh Senat

Oleh Kanga Rani Selvadurai
krani@mpob.gov.my

MENTERI Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Tan Sri Bernard Dompok mengetuai Misi Kementerian ke Australia dari 24 Julai hingga 2 Ogos 2011 bertujuan untuk membincangkan dengan pihak-pihak yang berkaitan mengenai kebimbangan Malaysia terhadap cadangan pelabelan minyak sawit dalam produk makanan di bawah *Truth in Labelling-Palm Oil* yang diluluskan oleh Senat Australia.

Turut serta di dalam misi ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), M. Nagarajan, Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Dato' Sri Utama Shahrir Ab Samad, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron.

Berikutan tujuan misi berkenaan adalah untuk melobi Kerajaan Aus-



TAN SRI Bernard Dompok semasa perbincangan dengan Menteri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan Australia, Senator Joe Ludwig, di Bangunan Parlimen, di Canberra, Australia.

tralia agar tidak meneruskan hasrat untuk melabel minyak sawit. Ahli Parlimen Kapiti, Datuk Alexander Nanta Linggi dan Ahli Parlimen Batu Sapi, Datin Linda Tsen Thau Lin serta Zulkifli Mohd Nazim, Se-

ga diadakan dengan Menteri Pertanian dan Perdagangan Persekutuan Australia, dialog dengan ahli Parlimen serta pengguna minyak sawit di Australia, dan perbincangan dengan Food and Grocery Council, Australia turut diadakan.

Rang undang-undang berkenaan perkara itu diluluskan oleh Senat Australia pada 23 Jun 2011 dan kini dalam pertimbangan House of Representatives.

Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, kesemua produk makanan yang menggunakan minyak sawit sebagai satu bahan perlu dinyatakan pada label.

Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengguna makanan yang dibeli itu mengandungi minyak sawit.

Bagaimanapun, minyak sayuran lain yang digunakan dalam produk makanan tidak perlu dilabelkan. Dalam hal ini, Malaysia melihat cadangan ini sebagai satu langkah yang mendiskriminasi minyak sawit dan menjejaskan peluang pasaran bagi minyak sawit.

Rang undang-undang ini digubal dengan pandangan bahawa pengeluaran minyak sawit mempunyai kaitan dengan kemusnahan dan penerokaan kawasan hutan yang ti-

dak terkawal dan kepupusan kepada sistem biodiversiti dan hidupan liar terutamanya orang utan di Asia Tenggara.

Semasa sesi perbincangan dua hala dan dialog, Malaysia menjelaskan bahawa minyak sawit mempunyai kandungan khasiat yang sama dengan minyak zaitun. Selain itu, industri minyak sawit di Malaysia dibangunkan berdasarkan kepada prinsip-prinsip pembangunan mampan bagi memastikan terdapat keseimbangan di antara *people, planet and profit*. Malaysia juga mempunyai lebih 56 peratus dari kawasannya yang dikekalkan sebagai hutan.

Langkah ini menunjukkan komitmen negara bagi memastikan pembangunan industri sawit tidak menjejaskan alam sekitar.

KPPK, MPOB dan MPOC akan terus memantau perkembangan rang undang-undang ini serta mengambil tindakan susulan. Ini termasuk mengadakan satu lagi penyerahan bantahan kepada House Standing Committee on Economics bagi menjelaskan pembangunan industri sawit negara. Di samping itu, satu seminar mengenai kelebihan minyak sawit juga akan dianjurkan di Australia pada tahun 2011.

tiausaha Agung Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Kebangsaan (NASH) turut menyertai misi penting ini.

Ketika lawatan rasmi ke Melbourne, Sydney dan Canberra, Tan Sri Bernard Dompok mengadakan perbincangan dengan Menteri yang bertanggungjawab mengenai Kesihatan, Pembuatan dan Perdagangan, dan Perusahaan Utama di Victoria dan New South Wales.

Di samping itu, perbincangan ju-

KPPK laksana Inisiatif sokong 1Malaysia

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KUCHING: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengisi dan menyokong Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ia termasuk pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan Program Transformasi Ekonomi yang diharapkan dapat merubah keseluruhan landskap sosial dan ekonomi Malaysia ke arah mencapai wawasan negara berpendapatan tinggi tahun 2020.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Perhimpunan Bulanan KPPK Bil.2/2011, di sini, baru baru ini.

Beliau berkata, adalah perlu bagi kita sebagai pelaksana dasar kerajaan dan penjawat awam, melakukan transformasi minda, memurnikan etika kerja dan memperbaiki sistem



TAN SRI Bernard Dompok memukul gong bagi merasmikan Pelancaran Kempen Senyum Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) semasa Majlis Perhimpunan Bulanan KPPK Bil.2/2011 baru baru ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (Tengah) dan Ketua Pengarah, Lembaga Lada Malaysia (LLM), Grunsim Ayum (Kiri).

penyampaian perkhidmatan bagi mendukung dan merealisasikan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

"Bagi mentransformasikan sektor awam, pendekatan baru dan berbeza perlu dilaksanakan bagi mem-

perbaharui, membentuk dan membina semula struktur pentadbiran supaya memenuhi keperluan mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi," katanya.

PIPOC 2011
International Palm Oil Congress

PALM OIL
- Fortifying and Energizing the World

To be officiated by:
YB Tan Sri Bernard Dompok
Minister of Plantation Industries and Commodities

15-17 November 2011
Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

For enquiries:
Ruhbah Masi (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4567)
Azizah Lockman (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4568)
Norhaliza Kasim (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4570)
Solehah Abd. Bab (solehah@mpob.gov.my / 603-8769 4867)
Salmah Hussin (salmah@mpob.gov.my / 603-8769 4873)



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

Kerajaan melalui MPOB sangat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil sawit terutama untuk meningkatkan produktiviti ladang dan pendapatan. Bermula dengan penubuhan Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat (TUNAS) pada tahun 2003, MPOB menyediakan khidmat pengembangan yang terancang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui Pusat TUNAS.

Bantuan input disediakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) bagi menggalakkan pekebun kecil menerima guna teknologi. Sebanyak RM 50.47 juta diberikan untuk program bantuan anak benih sawit berkualiti, sistem tanaman sawit dua baris serta integrasi ternakan dan tanaman. Tambahan sebanyak RM 128 juta diberikan di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua untuk menanam semula sawit.

Keprihatinan kerajaan kepada golongan ini terus diberi perhatian dalam RMK10 di mana industri sawit dijadikan salah satu bidang keutamaan di bawah NKEA (National Key Economic Areas). Pada tahun 2011 sebanyak RM 297 juta disediakan untuk penanaman semula dan penanaman baru sawit. Bantuan ini akan diteruskan sehingga tahun 2013. Oleh yang demikian semua pekebun kecil disarankan untuk mengambil peluang yang disediakan demi meningkatkan pendapatan keluarga dan misi nasional.

Di samping bantuan input, MPOB juga menyediakan prasarana bagi melipatgandakan keupayaan produktiviti pekebun kecil. Salah satu daripadanya ialah penubuhan Kelompok Minyak Sawit Mampan atau Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC). Di bawah SPOC, MPOB membangunkan koperasi pekebun kecil sawit mampan dan pensijilan amalan pertanian baik atau GAP.

Penubuhan koperasi memberi peluang kepada pekebun kecil untuk bersatu di bawah satu payung. Semua koperasi akan menyediakan perkhidmatan pemasaran buah sawit bagi mendapat tawaran harga terbaik, dan dalam masa yang sama akan menyediakan khidmat jualan input pertanian terutama baja. MPOB telah merancang penubuhan 80 koperasi menjelang tahun 2016 dan sehingga Julai 2011 sebanyak 12 koperasi telah ditubuhkan.

Melalui pensijilan GAP pula, semua kebun milik pekebun kecil akan dinilai dan kebun yang tidak mencapai hasil potensi akan terus diberi bimbingan dan bantuan sekiranya layak. MPOB menyasarkan penilaian terhadap 150,000 pekebun kecil sehingga tahun 2020. Program yang baru dimulakan ini telah diuji ke atas 1,200 pekebun kecil, di mana keputusan awal menunjukkan 35% layak dianugerahkan sijil dan baki 65% perlukan bimbingan.

MPOB mensasarkan purata nasional pengeluaran buah tandan sawit sebanyak 26 tan/ha/tahun, dan bagi pekebun kecil 22 tan/ha/tahun menjelang tahun 2020. Pencapaian pekebun kecil pada masa ini adalah 15.1 tan/ha/tahun. Peningkatan produktiviti dan pendapatan sektor pekebun kecil ini akan membantu peningkatan pendapatan kasar negara (Gross National Income) ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

MPOB hanya boleh merancang serta menyediakan input dan program untuk pekebun kecil. Walau bagaimanapun, pekebun kecil perlu mengambil bahagian dalam semua program yang disediakan secara aktif. MPOB berharap pekebun kecil juga dapat memberikan maklum balas terhadap semua program-program yang disediakan dari masa ke semasa supaya ia sentiasa dapat ditambahbaik demi kepentingan pekebun kecil, industri sawit dan negara.

Galak guna teknologi baru

Amalan pertanian baik tingkat produktiviti sektor hulu

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad

BELURAN: Kesediaan pekebun kecil menerima pakai teknologi baru dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan mereka.

Usaha melaksanakan penggunaan teknologi baru membabitkan benih sawit berkualiti dan penjagaan kebun yang sempurna meliputi amalan pembajaan, kawalan rumpai dan serangga perosak serta penuaian buah sawit berkualiti secara langsung meningkatkan taraf hidup pekebun kecil sawit.

“Peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit sejajar matlamat Program Transformasi Ekonomi yang dilaksanakan Kerajaan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020”, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, ketika berucap pada pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Beluran anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini.

Katanya, produktiviti sektor hulu membabitkan sektor perladangan dan pekebun kecil akan memberi impak penting kepada pendapatan negara.

“Menyedari kepentingan peningkatan



TAN SRI Bernard Dompok menyerahkan replika kad keahlian Koperasi Penanam Sawit Mampan kepada seorang pekebun kecil sawit yang mendaftar menjadi ahli sempena Pelancaran Koperasi itu bagi Daerah Beluran, Sabah baru ini. Turut kelihatan Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yung Hi dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

produktiviti sawit termasuk diusahakan pekebun kecil, kerajaan mengenal pasti langkah strategik bagi peningkatan produktiviti termasuk menggalakkan penebangan pokok sawit tua melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.

“Pokok sawit tua mengeluarkan hasil rendah dan ketinggian pokok menyukarkan kerja penuaian menyebabkan kerugian pendapatan kepada pekebun kecil.

“Sejajar matlamat peningkatan produktiviti sawit nasional iaitu pengeluaran hasil buah tandan segar sebanyak 26 tan sehektar setahun menjelang 2020, Kerajaan

akan memberi bantuan sebanyak RM7,000 sehektar melalui MPOB kepada pekebun kecil sawit yang layak menerima Skim Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baru Sawit.

“Ini bagi membolehkan pekebun kecil menanam sawit dengan anak benih sawit berkualiti, memperoleh input pertanian dan pengurusan tanaman mengikut GAP,” katanya.

Pada majlis berkenaan, Dompok turut melancarkan logo Koperasi Penanam Sawit Mampan yang disertai oleh pekebun kecil dan ditubuhkan dengan kerjasama MPOB.

Menteri lancar EDUPALM peringkat sekolah

Oleh Nordiyena Mohd Kamal
dyankamal@gmail.com

KOTA KINABALU: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, baru-baru ini melancarkan EDUPALM, Program Kesedaran Industri Sawit untuk Pelajar Sekolah di SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang.

Program EDUPALM dianjurkan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) untuk meningkatkan kesedaran pelajar sekolah menengah mengenai peluang kerjaya dalam industri sawit. Pada masa sama, pelajar diketengahkan kepada sumbangan industri sawit kepada ekonomi negara dan khasiat pemakanan minyak sawit serta peranan tanaman sawit dalam penjagaan alam sekitar.

Pada ucapan perasmianya, Dompok berkata, pelajar mesti mengambil tahu mengenai komoditi nombor satu Malaysia supaya mereka boleh memupuk minat mencuburkan diri dalam industri sawit.

Mereka adalah ejen perubahan dan boleh menjadi duta bagi industri sawit negara iaitu menjadi jurucakap yang boleh diharapkan untuk memberi maklumat sebenar berkenaan khasiat dan kepelbagaian penggunaan minyak sawit Malaysia kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

Menurutnya, program EDUPALM diperkenalkan tepat pada waktunya, sejajar Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Di bawah program ETP, industri sawit disasar menyediakan sejumlah 41,600 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Sehubungan itu, inisiatif diambil melalui pendekatan sesi ceramah berkenaan khasiat dan manfaat minyak sawit, kepelbagaian produk, peluang kerjaya dan usaha penyelidikan dan pembangunan akan membolehkan pelajar lebih peka terhadap industri sawit.

Di samping itu, program seumpama itu dapat menyediakan maklumat tepat mengenai kebaikan minyak sawit.

Melalui program EDUPALM, pelajar akan mendapat maklumat lanjut mengenai potensi peluang pekerjaan ditawarkan dalam industri sawit.

Ini termasuk pengurusan perladangan, pengilangan dan penapisan, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran serta perdagangan di peringkat tempatan dan global yang boleh ceburi.

Mereka juga boleh melanjutkan pelajaran di bidang berkaitan seperti kejuruteraan kimia, bioteknologi dan kejuruteraan mekanikal bagi melayakkan diri untuk pekerjaan ditawarkan industri sawit.

Menurut Dompok lagi, pelajar juga boleh mengikuti kursus disediakan Institute of Malaysia Plantation and Commodities (IMPAC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

IMPAC menawarkan pelbagai kursus diiktiraf industri sawit seperti Diploma in Palm Oil Milling dan Kursus Operator Mekanisasi Ladang.

Turut hadir Ketua pegawai Eksekutif MPOC Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron dan Ketua Pengarah MPOB Dato' Dr Choo Yuen May.

Pembangunan sawit, getah diberi keutamaan

DARI MUKA 1

Dompok berkata, komoditi sawit dan getah dikenal pasti untuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

“Komoditi sawit dan getah dianggap menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) masing-masing RM178 bilion dan RM58 bilion menjelang tahun 2020.

“Tahun 2009, GNI bagi komoditi sawit adalah berjumlah RM53 bilion manakala getah berjumlah RM18 bilion,” katanya.

Bagi mencapai sasaran GNI itu, pembangunan bagi kedua-dua industri komoditi berkenaan harus memberi fokus kepada pelaksanaan Projek-Projek Permulaan (EPPs) yang ditetapkan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk bernilai tambah.

Beliau juga berkata, bagi empat bulan pertama 2011, nilai eksport komoditi dan produk berasaskannya meningkat 20 peratus kepada RM44.3 bilion daripada RM36.8 bilion pada tempoh sama tahun 2010.

Beliau menjangka, nilai eksport komoditi pada tahun ini akan lebih tinggi berbanding tahun 2010.

Pada majlis itu juga beliau melancarkan Kempen Senyum peringkat Kementerian. Warga kerja yang sentiasa ceria dan ikhlas menjalankan tugas sudah pasti kualiti, produktiviti dan tahap penyampaian perkhidmatan akan lebih cemerlang, katanya.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Malaysia yakin tingkat hasil minyak sawit

Pelbagai inisiatif bantu pekebun tingkat produktiviti



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan replika kupon bantuan kepada salah seorang pekebun kecil sawit yang menerima bantuan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (STBPK) sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di sini baru baru ini. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Oleh Nordiyena Mohd Kamal
dyanakamal@gmail.com

LUNDU: Melalui program bantuan tanam semula bagi Entry Point Projects 1 (EPP1) Sawit di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA), Kerajaan yakin Malaysia akan menjadi antara negara pengeluar minyak sawit mentah terkemuka dunia.

Ketika berucap merasmikan program Pemimpin Bersama Rakyat, di sini, baru baru ini, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata Malaysia pernah menjadi pengeluar minyak sawit mentah terkemuka dunia, namun kini ia dipegang Indonesia.

"Tahun 2010, jumlah pengeluaran minyak sawit Malaysia adalah 17.5 juta tan manakala Indonesia menghasilkan 21 juta tan," katanya.

Katanya, keluasan tanaman sawit Malaysia kini adalah 4.85 juta hektar di mana 60 peratus dimiliki firma dan syarikat perladangan manakala selebihnya dimiliki pekebun kecil.

Menyedari peranan penting dimainkan pekebun kecil ini, kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif dan bantuan bagi membantu mereka meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan.

Lapan projek EPP yang dikenal pasti di bawah sektor sawit mula dilaksanakan terutama oleh MPOB merangkumi semua aspek dari penanaman, pengilangan, pengeluaran dan penghasilan produk yang memberi nilai tambah kepada industri sawit negara.

Projek EPP ini dijangka meningkatkan produktiviti dan berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar daripada RM52.7 bilion pada tahun 2009 kepada RM178 bilion menjelang 2020.

Dompok menyarankan supaya pekebun yang mempunyai tanaman sawit melebihi 25 tahun supaya melakukan penanaman semula dengan menggunakan anak benih berkualiti yang berupaya meningkatkan penghasilan.

Kerajaan melalui MPOB menyediakan bantuan kewangan dan khidmat nasihat Pegawai TUNAS

untuk pekebun kecil menanam dan mengurus tanaman sawit. Pekebun yang layak akan menerima bantuan RM7,000 sehektar untuk membiayai kos pembersihan dan penyediaan kebun manakala anak benih berkualiti dibekalkan MPOB.

MPOB juga turut membantu pekebun kecil melalui penubuhan koperasi pekebun kecil bagi memastikan kebajikan, faedah dan khidmat nasihat dapat disalurkan secara teratur. Pada masa ini lebih 3,000 pekebun kecil menyertai koperasi ini yang ditubuhkan di seluruh negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapannya pada majlis itu, berkata MPOB mewujudkan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan serta melantik Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) untuk membantu pekebun kecil menanam dan mengurus tanaman sawit. Pada masa ini 192 Pegawai TUNAS dilantik dan ditempatkan di pejabat cawangan MPOB di seluruh negara dan 31 daripadanya ditempatkan di Sarawak.



KETUA Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar menyampaikan cenderahati berupa plak berlogo PDRM kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May sempena kunjungan ke Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman baru baru ini.

MPOB dan PDRM perkukuh kerjasama

Oleh Mohd Rodzi Ghani
rodzi@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: Kerjasama membanteras aktiviti salah laku dalam industri sawit diperkukuhkan lagi antara MPOB dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui kunjungan rasmi Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ke atas Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, di pejabatnya di Bukit Aman, baru baru ini.

Ia adalah kunjungan kali pertama Choo sejak menjawat jawatan



DATO' Hamzah menyampaikan sijil tamat kursus kepada pelatih KOML di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA). Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din.

40 pelatih lulus terima sijil KOML

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KERATONG: Seramai 40 pelatih Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) menerima sijil masing-masing selepas tamat menjalani kursus berkenaan yang diadakan sejak Mac lalu di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), di sini, baru baru ini.

Majlis disempurnakan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainuddin di pusat itu yang dihadiri 300 jemputan terdiri daripada ahli keluarga pelatih.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din mewakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May; Setiausaha Bahagian Industri sawit dan Sagu, KPPK Aklan Ehtook; Pegawai Kanan MPOB dan Ketua-Ketua Jabatan serta Agensi Kerajaan sekitarnya.

Dato' Hamzah ketika berucap merasmikan majlis itu berkata, KPPK membangunkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia atau Institute of Malaysia Plantation and Commodities (IMPAC) bertujuan meningkatkan latihan dan pembangunan sumber manusia dalam industri

sawit.

"PLASMA pula adalah pusat latihan di bawah IMPAC yang ditadbirkan MPOB. Kursus dan latihan disediakan di pusat ini berkaitan industri sawit dan satu daripadanya adalah KOML.

"Seramai 419 pelatih berjaya menamatkan kursus KOML di pusat ini, termasuk 40 yang menerima sijil kali ini. Mereka sudah bekerja dan sedang menunggu tawaran kerja di ladang sawit dan juga syarikat pembuatan jentera dan mesin berkaitan," katanya.

Katanya, Kerajaan serius menangani isu banjir pekerja asing di sektor perladangan dengan membuka peluang seluasnya kepada remaja dan belia tempatan terutama lulusan pusat latihan ini menceburi kerjaya di sektor ini.

"Ini sejajar hasrat kerajaan meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja tempatan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang sawit.

"Selain itu, lulusan pusat ini juga berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk menjadi usahawan dalam bidang kejenteraan ladang atau bidang berkaitan," katanya.

Ketua Pengarah MPOB. Ia turut disertai wakil Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasa MPOB, Adzmi Hassan.

Ismail sewaktu mempengerusikan mesyuarat berkata, beliau berbangga dengan kejayaan yang dicapai MPOB dan PDRM dalam operasi bersama membanteras aktiviti salah laku terutama sedut curi minyak sawit.

Beberapa tangkapan di bawah Ordinan Darurat oleh PDRM memberi impak tinggi dalam membanteras aktiviti salah laku ini dan

operasi seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa, katanya.

Choo pula berkata, kerjasama MPOB dan PDRM dalam operasi itu berjaya menutup sebahagian besar premis tegar yang tidak berlesen dikendalikan sindiket sedut curi yang beroperasi di seluruh negara.

Kedua-dua pihak juga bersetuju bekerjasama membanteras aktiviti salah laku industri sawit yang semakin berleluasa, latihan untuk pegawai penguatkuasa MPOB dan kerjasama dalam siasatan membanteras aktiviti salah laku komersial.



Oleh Norihan Husain
norihan@mpob.gov.my

Lawat POIC Tanjung Langsat

Kerja pembangunan 82 peratus manakala kerja tanah dan jalan raya siap

TANJUNG LANGSAT: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, baru-baru ini, melawat Projek Pembangunan Industri Sawit Berkelompok (POIC) Tanjung Langsat, Johor, untuk melihat sendiri status kemajuan pembangunannya.

POIC Tanjung Langsat adalah projek diluluskan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menyediakan tapak pembangunan industri berkaitan sawit secara berkelompok terutama industri sektor hiliran sawit.

Projek pembangunan POIC bermula sejak 2007 dan dilaksanakan di bawah pengawasan Johor Corporation (JCorp) meliputi kawasan seluas 178 hektar dalam kawasan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, berhadapan kawasan Pembangunan Iskandar.

Timbalan Presiden Johor Corporation (JCorp), Yusof Rahmat, yang memberi taklimat sewaktu lawatan itu berkata, kerja pembangunan POIC Tanjung Langsat sudah 82 peratus siap manakala kerja tanah dan jalan raya sudah siap 100 peratus.

Katanya, pembangunan POIC Tanjung Langsat akan mentransformasikan Tanjung Langsat dari sebuah perkampungan nelayan kepada kawasan perindustrian dengan aktiviti berasaskan sawit terutama oleokimia, biodiesel dan pusat penyimpanan serta kemudahan pelabuhan untuk pengeksportan



TAN SRI Bernard Dompok (lima dari kiri) bergambar bersama rombongan melawat 'Palm Oil Industrial Cluster' (POIC), Tanjung Langsat, Johor baru baru ini. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri).

minyak sawit ke luar negara.

Turut serta dalam lawatan itu adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) KPPK, M. Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Malaysia (MTIB), pegawai-pegawai KPPK, MPOB dan MTIB.

Pada lawatan itu Dompok berkesempatan melawat Kilang Biodi-

esel YPJ Palm International Sdn Bhd yang menggunakan teknologi tempatan dan Kilang Biodiesel Nexsol (M) Sdn Bhd yang dibina pada 2008 dan beroperasi secara komersil.

POIC Tanjung Langsat juga dilengkapi jeti yang siap dibina. Jeti ini memudahkan kapal pengangkut minyak sawit berlabuh untuk tujuan pengeksportan ke luar

negara.

Dompok juga dimaklumkan mengenai perancangan pembangunan POIC Tanjung Langsat di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang meliputi kemudahan bagi pembinaan kilang menghasilkan produk nilai tambah, kompleks penyimpanan berintegrasi untuk produk oleo dan biomass central waste/steam plant serta kemu-

dahan bagi pengeluaran soap noodles dan surfactant.

Mendengar kemajuan itu, Dompok berkata, beliau berkeyakinan POIC Tanjung Langsat berupaya membantu projek NKEA dan menyumbang kepada pembangunan dan penghasilan produk bernilai tambah seperti biodiesel bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

FELDA Kerteh 2 terima bayaran insentif SITS

KERTEH: Peneroka Felda Kerteh 2, Dungun, Terengganu, menerima bayaran insentif Skim Tanam Semula Sawit (SITS) berjumlah RM1,197,023.00 selepas rayuan mereka diluluskan Kerajaan bagi menebang pokok sawit tua yang tidak lagi produktif.

Cek bayaran diserahkan Pengurus MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, kepada Ketua Umno Bahagian Dungun, Datuk Dr Rosli Mat Hasan pada majlis Penyampaian Cek Insentif Tanam Semula yang diadakan di Felda Kerteh, di sini, baru baru ini.

Shahrir sewaktu berucap pada majlis itu berkata, SITS adalah insentif disediakan Kerajaan melalui MPOB sebagai galakan penebangan pokok sawit tua dari 1 Disember 2008 hingga 31 Julai 2010.

Mereka yang menebang dalam tempoh itu berpeluang menerima bayaran SITS sebanyak RM1,000 sehektar dan MPOB menyediakan peruntukan sebanyak RM200,000 bagi sasaran penebangan pokok sawit tua seluas 200,000 hektar di seluruh negara.

Namun begitu, Kerajaan menerima banyak permohonan rayuan daripada pekebun kecil termasuk peneroka Felda Kerteh 2 yang menebang pokok sawit tua di luar tempoh itu untuk mendapatkan bantuan SITS.

"Hasil perbincangan Kerajaan



DATO' SERI UTAMA Shahrir Abdul Samad beramah mesra dengan peneroka sempena majlis Penyampaian Cek Insentif Tanam Semula di Felda Kerteh 2, Terengganu.

dan atas dasar Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersetuju meluluskan permohonan rayuan pekebun kecil dan peneroka yang menebang di luar tempoh pelaksanaan SITS 2008," katanya.

Beliau juga berkata, peningkatan penghasilan buah tandan segar (BTS) adalah matlamat utama Kerajaan. Melalui pelaksanaan Bidang Keutamaan Ekonomi Negara (NKEA) sektor sawit, Kerajaan mensasarkan peningkatan dan pen-

capaian BTS sebanyak 26 tan sehektar menjelang 2020.

Antara strategi bagi merealisasikan pencapaian itu, Kerajaan melalui MPOB menubuhkan Koperasi Penanaman Sawit Mampan yang bukan saja bermatlamat meningkatkan penghasilan BTS juga bagi menghasilkan pengeluaran minyak sawit mampan, mesra alam dan selamat untuk pemakanan.

Pekebun kecil dan peneroka juga digalakkan menggunakan mesin penuaian buah sawit atau CANTAS

yang terbukti berupaya meningkatkan produktiviti tuaian BTS dua kali ganda.

"Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM5.3 juta disediakan bagi Skim Diskaun CANTAS. Melalui skim ini, pekebun kecil dan peneroka layak menerima diskaun sebanyak RM1,000 bagi setiap unit CANTAS.

"Pekebun kecil dan peneroka Felda perlu mengambil peluang ini dengan membeli CANTAS pada harga diskaun yang ditawarkan MPOB," kata Shahrir.

MPOB sertai sidang CODEX Ke-34 di Geneva

GENEVA: Pengarah Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Dr Kalanithi Naresetnam dan Pengurus Serantau MPOB Eropah, Dr Nagendran Balasundram menghadiri sidang ke-34 Suruhanjaya Codex Alimentarius yang berlangsung di Geneva dari 4 hingga 10 Julai lalu.

Codex adalah sebuah badan gabungan antara Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) dan World Health Organization (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian, garis panduan dan saranan yang digunapakai dalam perdagangan makanan antarabangsa.

Beberapa perkara yang berkepentingan kepada sektor minyak dan lemak, khususnya kepada minyak sawit dibincangkan dalam sidang ke-34 ini.

Antaranya adalah piawaian bagi olein dan stearin minyak isirung sawit, kriteria bagi penilaian bahan yang boleh disenaraikan dalam senarai kargo terdahulu dan senarai bahan yang boleh diterima sebagai kargo terdahulu.

Isu lain dibincangkan dan dipertutuskan sidang ke-34 Suruhanjaya Codex Alimentarius termasuklah pelabelan asid lemak trans dan penggunaan karotenoid di dalam minyak dan lemak sayuran.

Penggunaan B5 diperluas ke Melaka

Galak guna sumber boleh diperbaharui

biodiesel@mpob.gov.my

MELAKA: Penggunaan bio-bahan api B5, adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum secara mandatori di Wilayah Tengah telah diperluas di peringkat Negeri Melaka bagi penggunaan sektor pengangkutan bermula 1 Julai 2011.

Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Dato' Seri Muhamad Ali Rustam bersama Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Utama Shahrir Abdul Samad di stesen minyak Shell, RA Talang, Ayer Keroh, Melaka pada tanggal 1 Julai 2011 serta turut dihadiri oleh wakil-wakil dari syarikat petroleum, industri sawit, agensi Kerajaan dan orang awam.

Susulan kejayaan penggunaan biobahan api B5 di Putrajaya, Program B5 di Wilayah Tengah akan diperluas lagi di stesen-stesen minyak di Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2011, Kuala Lumpur pada 1 September 2011 dan Selangor pada 1 Oktober 2011. Penggunaan B5 secara menyeluruh bagi sektor bersubsidi dan tidak bersubsidi di Wilayah Tengah akan dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 November 2011.

Pelaksanaan peringkat kedua Program B5 di Negeri Melaka ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Melaka ke arah Negeri Bandar Teknologi Hijau men-

jelang 2020. Ianya bertujuan menggalakkan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui dan turut mengurangkan kebergantungan terhadap produk petroleum yang terhad. Anggaran 574 tan atau 664 ribu liter biodiesel sawit sebulan akan digunakan bagi pelaksanaan program B5 di Negeri Melaka, sekaligus menyumbang kepada penjimatan sebanyak 8 juta liter penggunaan diesel petroleum di dalam tempoh setahun.

Kajian saintifik telah membuktikan bahawa penggunaan biodiesel menyumbang kepada pengurangan kadar pelepasan gas rumah hijau (Green House Gas - GHG) berbanding diesel petroleum. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh MPOB, penggunaan biodiesel sawit pada enjin diesel menyumbang kepada lebih 50 peratus pelepasan GHG berbanding diesel petroleum.

Sempena pelancaran itu juga, Shahrir bersama Muhamad Ali, disertai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengurus Jualan Shell, Leslie Ng mengisi biobahan api B5 ke dalam tangki kenderaan bagi menandakan bermulanya penggunaan biobahan api B5 di Negeri Melaka.

Sejurus selepas perasmian tersebut, lawatan kerja ke Loji Penapisan Petronas, Tangga Batu, Melaka turut diadakan bagi me-



KETUA Menteri Melaka, Dato' Seri Mohd Ali Rustam mengisi bahan api B5 ke dalam kenderaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah sempena pelancaran penggunaan B5 peringkat negeri Melaka. Turut kelihatan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dan Dato' Dr Choo Yuen May.

mantau status kemajuan pembinaan kemudahan pengadunan di depoh berkenaan.

Menurut Pengurus Besar Bahagian Perdagangan Pelincir Petronas, kemudahan pengadunan secara *in-line* telah siap dipasang sepenuhnya dan penghantaran bekalan biobahan api B5 untuk kawasan Melaka adalah melalui kemudahan pengadunan tersebut.

Menurut beliau lagi, PETRONAS

pada masa kini di dalam proses pembinaan sebuah tangki penyimpanan biodiesel sawit (Palm Methyl Ester - PME) sebelum projek pembinaan kemudahan pengadunan B5 di Loji Penapisan PETRONAS siap sepenuhnya.

Selaras dengan pelaksanaan Program B5 di Putrajaya pada 1 Jun 2011 yang lalu, KPPK melalui MPOB telah mengambil inisiatif bagi memantau tempoh perubahan,

diesel petroleum tulen (B0) kepada campuran 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum (B5) di dalam tangki penyimpanan di kesemua enam stesen minyak di Putrajaya.

Pemantauan ini juga akan diteruskan di stesen-stesen minyak di Negeri Melaka bagi memastikan biobahan api B5 yang dijual di pasaran menepati kadar peratusan pengadunan yang ditetapkan.

Pekebun kecil terima diskaun CANTAS

Oleh Mohd Arfan Johari
arfan@mpob.gov.my

MIRI: Seramai 5 pekebun kecil sawit dari Daerah Batu Niah, di sini, yang dipilih mendapat bantuan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) daripada MPOB menerima mesin CANTAS masing-masing daripada Syarikat Fancy Power Sdn Bhd, baru-baru ini.

SKIDIC yang bertujuan membantu pekebun kecil dengan memberi diskaun bagi pembelian mesin penuai CANTAS adalah insentif MPOB kepada pekebun kecil sawit bagi meningkatkan penggunaan mekanisasi dalam aktiviti penanaman sawit.

Penggunaan mekanisasi terutama bagi aktiviti penuaian buah sawit berupaya meningkatkan produktiviti hasil tuaian sekali gus meningkatkan pendapatan.

Kajian MPOB mendapati, dengan menggunakan CANTAS, seorang pekerja mampu menuai sehingga 600 tandan buah sawit sehari berbanding 300 tandan menggunakan kaedah lama.

CANTAS bukan saja memudahkan aktiviti penuaian buah dan pemotongan pelepah malah dengan menggunakannya, pekebun berupaya mengurangkan bilangan pe-



STEVEN Wee Soon Liang, (tengah) wakil pengedar memberi tunjuk ajar penjagaan dan penyelenggaraan mesin CANTAS kepada pekebun kecil.

kerja dan berupaya mengurangkan kos pengeluaran.

Seorang penerima bantuan skim itu, Khalifah Bakri, berkata diskaun pembelian CANTAS itu memudahkan kerja serta menjimatkan untuk rutin seharian di kebun sawitnya.

"Harga seunit sebelum diskaun adalah RM2,500 dengan bantuan kerajaan sebanyak RM1,000 seunit membantu meringankan beban

kami," katanya.

Penerima lain, Lipang Larek, Andrew Angga anak Paul Ngumbang, Frederick Kiai anak Amin dan Tuai Rumah, Ngumbang anak Sinjan, turut mengucapkan syukur kerana diberi bantuan diskaun dan berpuas hati dengan mesin CANTAS selepas diberi taklimat mengenai penjagaan dan penyelenggaraannya.

TAWARAN HEBAT

SKIM DISKAUN CANTAS (SKIDIC)



JIMAT RM1000!!!!

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)

KEDURGAAN CANTAS™
UnitA menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbuai amat berkesan meningkatkan keberkesanan penualan.

- KEBAIKAN CANTAS™**
- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja kerja lain serentak.
 - Jimat Tenaga - tidak melibatkan dan dapat mengurangkan masa bekerja.
 - Mudah - mampu dibendalikan oleh wanita dan warga emas.
 - Bergaya - bahas menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
 - Meningkatkan produktiviti penualan.
 - Meningkatkan pendapatan bagi yang mengonil upah penandiran.
 - Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain.

- SIAPA YANG LAYAK?**
1. Warga negara Malaysia atau pemastautin tetap.
 2. a. Bagi pekebun kecil penandiran yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penualan adalah 2 ha.
b. Bagi penuai penandiran/peniaga/kontraktor yang memberi khidmat penualan di kebun sawit milik pekebun pekebun kecil? jumlah keluasan minimum adalah 20 ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang memuaskan bergantung kepada penaklukan, lokasi dan topografi atau lain lain sebab yang dipertimbangkan oleh MPOB. Bagi yang memuai ladang syarikat swasta/unit, jumlah keluasan minimum adalah 50 ha @ 1 unit Cantas™.
 3. Lot lot yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peranti rancangan tertentu).

BAGAIMANA MEMOHONT?
Permohonan melalui barang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- Shellyza Mohd Ishak Tel: 03-8769 4549/
- Siti Zubaidha Md Zali Tel: 03-8769 4252/
- Faks: 03-8925 7446
- atau lawati www.mpo.gov.my

**TUNGGU APA LAGI ?!!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT**



BERKAWAN DENGAN MPOB
MENDAPATKAN PELUANG PELADANGAN
SUKSES



Uji kaji dijalankan ke atas individu mendapati terdapat peningkatan vitamin dalam kulit. Kajian ke atas kulit mendapati penggunaan produk berasaskan nanoemulsi tokotrienol membantu meningkatkan kelembapan serta memberi perlindungan kepada cahaya matahari



ZAFARIZAL menunjukkan produk kecantikan daripada sawit.

Zafarizal Aldrin Azizul Hassan
Pegawai MPOB

Nanoemulsi, tokotrienol sawit hasil produk kecantikan

Oleh Haryani Nгах
aryani@bharu.com.my

NGIN memiliki kulit halus, gebu, menghilangkan garisan penuaan dan melambatkan proses penuaan antara perkara sering menjadi perhatian di kalangan kaum wanita masa kini.

Peningkatan dalam keperluan menjaga kecantikan menyebabkan banyak syarikat pengeluaran alat kosmetik mengeluarkan pelbagai jenis produk menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai bahan.

Dalam menghasilkan produk kecantikan, trend penggunaan teknologi nano dilihat mendapat perhatian pengeluar kerana ia memberi keputusan lebih baik dalam penggunaannya.

Seliring perkembangan dalam penghasilan produk kecantikan itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut menghasilkan produk baru menggunakan teknologi nano,

iaitu penyerapan tokotrienol sawit ke dalam kulit. Penyelidik MPOB, Zafarizal Aldrin Azizul Hassan, berkata teknologi yang dibangunkan itu menghasilkan emulsi lebih halus berbanding kaedah biasa.

"Kaedah biasa yang digunakan adalah mikroemulsi yang bersaiz besar, iaitu 10,000 nanometer, manakala nanoemulsi yang dihasilkan ini bersaiz 200 nanometer ke bawah yang mana ia lebih kecil dan lebih halus, sekali gus memberikan kelebihan di mana bahan aktif dapat diserapkan ke dalam kulit dengan lebih cepat," katanya.

Sementara tokotrienol daripada minyak sawit adalah bahan aktif yang digunakan dalam pembuatan bahan kosmetik dan dandanan diri.

Kajian MPOB mendapati penggunaan bahan ini sebagai bahan aktif kosmetik adalah selamat dan mampu meningkatkan kelembapan serta mencegah kekeringan kulit.

Produk nanoemulsi tokotrienol tidak mengganggu membran kulit atau mata dan dengan kadar penyerapan tinggi menyebabkan peningkatan ketara kelembapan dan perlindungan kulit berbanding tokotrienol yang menggunakan teknologi konvensional.

"Uji kaji dijalankan ke atas individu mendapati terdapat peningkatan vitamin dalam kulit."

"Kajian ke atas kulit mendapati penggunaan produk berasaskan nanoemulsi ke dalam tokotrienol, kesan yang diperoleh adalah lebih cepat. Produk yang boleh dibangunkan adalah seperti krim atau losyen perlindungan matahari, losyen badan dan losyen anti ketut."

Kajian ke atas produk antikejut menggunakan nanoemulsi tokotrienol mendapati

BANTUAN RM 7 000 PER HEKTAR

SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)
(Projek EPP1 di bawah NKEA) **M P O B**

Jangan Berleagak Lagi....!

SYARAT PEMOHOKAN

- Warganegara Malaysia
- Pelabur kecil sawit penanaman dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 akar).
- Mempunyai lesen MPOB
- Kawasan aktif dan subur seluas 25 hektar atau yang tidak produktif.
- Kecekapan sumber individu atau berkelompok.
- Nilai maksimum bawahan 42.46 hektar

BANTUAN PENYIJI (NGGASAAN KEKUR (BPE)

BPE sebanyak RM4000/tahun akan diberi selama 10 tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- Pelabur kecil sawit sepanjang masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit luas lebih daripada 2.5 ha secara aggragat
- Berdaftar sebagai pemohon hasil pokok yang akan ditanam semula dan 1000 jumlah penanaman setiap tahun.
- Jumlah pemohon sahaja layak jika ada penanam lain dalam satu geran.
- Layak untuk sepanjang tempoh 10 tahun.

KAJIAN PELAKSANAAN PROGRAM

Pemohon boleh membuat cadangan kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- Pelabur menggariskan semula semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membuat anak benih daripada pembatal
- yang dibekalkan oleh MPOB dan input pertanian dari pembatal yang meliputi dan menuntun bayaran daripada MPOB dengan menggunakan teknik surat atau barakat.
- Pelabur boleh menyerahkan urusan penyediaan tanah semula, menanam dan membuat input pertanian kepada kontraktor yang dibekalkan oleh MPOB.
- Pelaksanaan operasi secara individu dan kelompok.

LOKUS KETERANGAN LAHAT, SIA HUBUNGI

- Anwar Ariffin (Tel: 091-871 106/813-883 9968 Sabah)
- Mohd Azlan Johan (Tel: 083-438 132/913-4331 22 Sarawak)

Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian
Tempoh skim : Februari - Disember 2011

Deodoran sawit kawal bau badan

Ciptaan terbaru MPOB mesra pengguna, mampu jana ekonomi negara

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharu.com.my

PADA masa ini ramai yang menggunakan deodoran (antibau) dan anti-perspirants (antipeluh) sebagai pewangi badan, menghalang bau dan peluh. Bagaimanapun, tanpa disedari penggunaan bahan ini secara berlebihan atau kerap di percaya boleh menyumbang kepada penyakit Alzheimer, satu bentuk penyakit nyanyuk (demensia).

Menurut beberapa kajian, kebanyakan deodoran mengandungi kimia berbahaya, iaitu *Aluminium Chlorohydrate* yang bertujuan menyekat peluh daripada keluar dan melekat di kawasan sekitar dan baju selain berupaya mengekalkan kekeringan dan rasa segar sepanjang hari.

Pegawai Penyelidik Kanan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Abdul Rashid Yatim, menjelaskan *Aluminium Chlorohydrate* dihasilkan dalam industri melalui tindak balas antara *aluminium hydroxide* dan *Al(OH)3* dengan *hydrochloric acid* (HCl).

Katanya, semua bahan kimia itu ditindal kabalaskan menggunakan stim pada suhu 100 darjah Celsius pada tangki terbuka dan hasil *Aluminium Chlorohydrate* yang digunakan dalam deodoran mengeluarkan warna kuning pada ketiak dan baju.

Malah katanya, deodoran yang berfungsi sebagai antipeluh akan menyebabkan peluh beracun atau toksin dalam badan tidak dapat dikeluarkan secara semula jadi dan akan terus terkumpul dalam badan serta bertakung di bahagian tertentu, sekali gus menjadi punca kepada Alzheimer.

Sehubungan itu, Abdul Rashid menerusi kajiannya terhadap minyak sawit berjaya menghasilkan produk berasaskan sayuran tanpa sebarang bahan kimia bagi penghasilan deodoran yang akan dipasarkan tidak lama lagi.

Dengan menggunakan kaedah bioteknologi, iaitu yis istimewa yang diimport dari Amerika Syarikat dan minyak sawit, penyelidik MPOB itu berjaya mencipta deodoran tanpa menghalang peluh keluar daripada badan, tetapi boleh mengawal bau badan.

Penghasilan *Soprolipid Liquid Deodorant* dapat membantu orang ramai menggunakan tanpa ragu-ragu deodoran daripada sumber



ABDUL RASHID menunjukkan deodoran daripada sawit yang lebih terjamin dan sesuai untuk semua jenis kulit.

sayuran kerana lebih terjamin dan sesuai untuk semua jenis kulit.

Selain itu katanya, jika deodoran di pasaran boleh menyebabkan radang kulit, kulit kering dan meninggalkan kesan kuning di baju dan ketiak, *Soprolipid Liquid Deodorant* sebaliknya.

Beliau berkata, sehingga hari ini, terdapat beberapa syarikat berminat dengan produk ciptaannya itu dan pamasaran ke luar masih dalam perbincangan antara MPOB dan syarikat pengeluar.

"Selain mesra pengguna, ciptaan terbaru di

bawah MPOB ini boleh menjana ekonomi negara, selain menyahut seruan kerajaan mengeluarkan dan menggunakan produk tempatan, termasuk memasarkannya ke luar negara.

"Kes pembuatan *Soprolipid Liquid Deodorant* sangat rendah berbanding deodoran yang menggunakan bahan kimia malah kajian yang dilakukan selama lima tahun itu membuahkan hasil kerana penggunaannya mudah, tidak melekit, mampu mengawal bau badan dan pambuangan toksin menerusi pengeluaran peluh masih berlaku tanpa se-

barang gangguan," katanya.

Teknologi baru MPOB itu turut memenangi Gold Award pada pertandingan reka cipta, International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'11) pada Mei lalu.

Tambah beliau, *Soprolipid Liquid Deodorant* adalah deodoran pertama keluaran Malaysia yang bersumberkan minyak sawit dan disebabkan itu MPOB akan terus merancang promosinya sehingga pada peringkat antarabangsa seperti menyertai ITEX di Geneva.

PERABUK MARUK

ICCOS
MALAYSIA INTERNATIONAL COMMODITY CONFERENCE & SHOWCASE 2011

Pameran dan Peridangan Komoditi Antarabangsa Malaysia (MCCOS) adalah acara perdana yang dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Komoditi. Acara dua tahunan ini akan memuncak para pengiat industri utama dalam sektor komoditi negara.

Dengan tema "Menjana Malaysia Melalui Inovasi", MCCOS 2011 akan memaparkan pelbagai produk terkini di samping perkembangan teknologi dan inovasi dalam bidang komoditi negara.

Para pengeluar berkeinginan untuk memulajai sejarah pertumbuhan industri komoditi yang lebih menjadi salah satu sebagai utama ekonomi Negara. Selain daripada itu, pengeluar juga akan dapat memamerkan pelbagai-gelung perniagaan baru di dalam industri komoditi ke arah pasaran global Negara Bersepaduan Tinggi.

KOMODITI UTAMA NEGARA
SAWIT • GETAH • KAYU MAYAN • KOPI • LADA • WARGO • TEKSTIL • BUNYI

28-30 OKTOBER 2011
10.00 pagi - 6.00 petang
Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)

AKTIVITI MCCOS 2011

- HUBUNGAN KOMODITI (DUNIA)
- PELAKSIAN PERKEMBANGAN KELOMPOK MITING
- TEKNOLOGI TERKINI - JURNAL PERKEMBANGAN
- JURNAL INOVASI NEGARA BERSEPADUAN TINGGI
- JURNAL HUBUNGAN - PERABUK MARUK & TEKNOLOGI

Kejohanan MCCOS 2011 dan juara anda disini!

AMJURAN **BERKAWALAN**

MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB, MPOB



Pensijilan CoPN mandatori mulai 2012

Pastikan tapak semaian sawit bekas anak sawit berkualiti

Oleh Nordiana Mohd kamal
dyankamal@gmail.com

B ANGI: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan melaksanakan secara mandatori Pensijilan Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN) mulai tahun 2012 kepada sektor tapak semaian sawit bagi menjamin bekalan anak sawit berkualiti.

“Pengeluaran dan bekalan anak benih sawit berkualiti yang dihasilkan daripada baka DxP dan baka berhasil tinggi yang tulen penting bagi menjamin pengeluaran hasil buah tandan yang maksimum”, kata Pengerusi MPOB, Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad, ketika berucap merasmikan Seminar CoPN Menjamin Pengeluaran Anak Benih Sawit Berkualiti di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, penggunaan anak benih berkualiti adalah antara faktor penting yang menentukan produktiviti ladang sawit. Pengeluaran anak benih sawit berkualiti tinggi

amat bergantung kepada amalan pengurusan tapak semaian yang baik.

“Bagi memastikan anak benih sawit berkualiti dapat dihasilkan pengusaha tapak semaian, MPOB menawarkan Skim akreditasi Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Pengusaha Tapak Semaian atau Code of Good Nursery for Oil Palm Nurseries (CoPN).”

“Skop amalan ini merangkumi pengurusan dan penyelenggaraan tapak semaian sawit bermula daripada penerimaan biji cambah, penanaman dan pembesarannya sehingga menjadi anak benih yang sempurna dan sedia untuk penanaman di ladang,” katanya.

Shahrir berkata, sebelum ini MPOB melaksanakan Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit (OPNCC) yang memberi pengiktirafan kualiti kepada pengusaha tapak semaian sawit yang mematuhi kriteria dan standard kualiti ditetapkan MPOB.

“Dengan pelaksanaan Kod Amalan Industri Sawit (CoP) yang me-

liputi keseluruhan rantaian industri sawit daripada peringkat pengeluaran bahan tanaman kepada pengeluaran minyak sawit, pensijilan OPNCC diselenggarakan dan diserapkan dalam CoPN.

“Setakat ini, empat nurseri sawit diaudit MPOB dan mendapat pensijilan CoPN,” katanya.

Beliau menyarankan semua pengusaha tapak semaian sawit mengambil peluang dan bergerak pantas menyertai kursus ini bagi mendapatkan kefahaman dan pengiktirafan pensijilan secepat mungkin.

Mulai 2012, MPOB akan menguatkuasakan semua syarat dan kriteria ditetapkan bagi menjamin pengusaha tapak semaian menghasilkan bekalan anak benih sawit berkualiti seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti sawit.

Menurutnya, pengusaha tapak semaian yang mendapat pensijilan CoPN akan mendapat keutamaan peluang bagi membekalkan anak



Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad

benih sawit berkualiti melalui pelaksanaan Skim Tanam Semula dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil yang sedang dilaksanakan di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) Sawit pada tahun 2011 hingga 2013.

Seminar CoPN Menjamin Pengeluaran Anak Benih Sawit Berkualiti, julung kali dianjurkan MPOB



Pengeluaran dan bekalan anak benih sawit berkualiti yang dihasilkan daripada baka DxP dan baka berhasil tinggi yang tulen penting bagi menjamin pengeluaran hasil buah tandan yang maksimum

Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad
Pengerusi MPOB

bagi meningkatkan pengetahuan pengusaha tapak semaian mengenai amalan pengurusan dan penyelenggaraan tapak semaian berkualiti.

Seminar dihadiri lebih 350 peserta terdiri daripada pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara. Turut hadir, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Teknologi ekstrak minyak residu dicipta

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitiurazlinee@bharian.com.my

S ELAIN memastikan alam sekitar dipelihara, industri minyak sawit juga perlu memainkan peranan penting sebagai penjana pendapatan negara melalui peningkatan perahan dan ekstrak minyak sawit sewaktu aktiviti pemprosesan buah tandan segar (BTS) di kilang dilakukan.

Kilang sawit di Malaysia menggunakan teknologi konvensional iaitu ‘skru press’ mekanikal bagi memerah minyak daripada sabut buah sawit. Bagaimanapun Pegawai Penyelidik Kanan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Vijaya Subramaniam, menyifatkan kaedah dan keupayaan teknologi mekanikal konvensional itu memerah minyak sawit mentah daripada sabut sawit mempunyai keupayaan yang terhad.

Disebabkan teknologi pemerahan yang berkeupayaan terhad, proses perahan minyak dari buah sawit tidak dapat menghasilkan minyak yang maksimum, malah masih terdapat lebih minyak tertinggal dalam sabut yang gagal diperah sebagai residu minyak sawit di antara 5 (lima) hingga 8 (lapan) peratus.

Beliau berkata, keadaan ini merugikan, malah sabut yang diperah akan dibakar atau dilupus, sekali gus merugikan kilang sawit memandangkan residu atau sisa minyak masih terdapat dalam sabut berkenaan dan masih berupaya menghasilkan minyak sawit.



Minyak yang diekstrak menggunakan teknologi baru ini menjadikan lebih minyak dalam sabut boleh diambil sehingga tahap maksimum dan kualiti lebih baik terutama tahap kandungan catotene dan vitamin E

Dr Vijaya Subramaniam
Pegawai Penyelidik Kanan MPOB

Sehubungan itu, Vijaya dengan dibantu Ir Ravi Menon membangunkan teknologi baru bagi mengekstrak minyak residu dalam sabut sawit yang diperah menggunakan teknik pencucian.



TEKNOLOGI baru ciptaan MPOB bantu tingkat hasil pengeluaran.

“Minyak yang diekstrak menggunakan teknologi baru ini menjadikan lebih minyak dalam sabut boleh diambil sehingga tahap maksimum malah menerusi kajian dijalankan, kualiti minyak diperoleh adalah lebih baik terutama tahap kandungan catotene dan vitamin E berbanding minyak sawit mentah,” katanya.

Vijaya ketika ditemui baru-baru ini di makmal MPOB berkata, selain mengelakkan pembaziran terlampau, sistem itu dapat menjana keuntungan tambahan kepada kilang sawit di Malaysia dengan meningkatkan jumlah minyak sawit mentah yang dapat diekstrak

daripada sabut sawit.

Katanya, melalui penggunaan teknologi baru ini, kadar perahan minyak (OER) dan pengeluaran minyak sawit dapat ditingkatkan sekali gus meningkatkan jumlah penghasilan minyak sawit dan keuntungan kilang berkenaan.

Ia selaras matlamat kerajaan meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara melalui strategi meningkatkan OER dan merealisasikan sasaran sumbangan sektor sawit kepada Pendapatan Negara Kasar daripada RM62 bilion pada tahun 2010 kepada RM178 bilion menjelang tahun 2020.

Vijaya berkata, kajian beliau

mendapati, sebuah kilang pemprosesan berkapasiti 60 tan dan memproses sebanyak 36,000 tan BTS pada harga purata minyak sawit mentah RM2,500 satu tan, minyak sawit residu yang dapat diekstrak membawa pendapatan tambahan antara RM1.3 juta boleh meningkat kepada RM2.5 juta setahun.

Tambah beliau, pada harga semasa, minyak sawit mentah adalah RM3,700 satu tan berupaya menjana pendapatan tambahan antara RM1.9 juta hingga RM2.3 juta dan bagaimanapun katanya, anggaran itu turut bergantung kepada kehilangan minyak di kilang.

MPOB perkenal talian e-COST

Kajian kos pengeluaran minyak sawit secara online di media baru

Oleh Azman Ismail dan Mohd Arif Simeh

KELANA JAYA: Pemantauan kos pengeluaran minyak sawit mentah Negara diperlukan bagi memastikan pengeluar minyak sawit yang terdiri daripada pemilik ladang dan pengilang buah tandan segar (BTS) mengeluarkan produk mereka pada kos efisien.

Menyadari hakikat itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri menjalankan kajian Kos Pengeluaran Minyak Sawit secara tahunan sejak tahun 1997.

Kajian yang dijalankan secara pos itu akan memperincikan kos pengeluaran minyak sawit yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu kos pengeluaran dan kos pemrosesan BTS.

Bagi peringkat kos pengeluaran BTS, ia membabitkan semua estet (keluasan tanaman sawit 100 ekar atau 40.45 hektar ke atas) dan pekebun kecil terselia seperti di bawah FELDA, RISDA dan FELCRA manakala bagi kos pemrosesan BTS, ia membabitkan semua kilang kelapa sawit.

Bermula 2010, MPOB mengorak langkah memperkenalkan kaedah kaji selidik secara talian (online) yang dikenali sebagai e-COST. Melalui kaedah ini pemilik ladang dan kilang dikehendaki melayari laman www.ecost.mpob.gov.my untuk mengisi maklumat diperlukan. Jika berjaya melayari laman ter-

sebut paparan seperti di Rajah 1 di bawah akan kelihatan.

Pada paparan muka hadapan e-COST terdapat dua bahagian iaitu 'Estet' dan 'Kilang'. Bagi pihak estet, mereka perlu memasuki bahagian 'Estet' manakala untuk pengilang mereka perlu ke bahagian 'Kilang'. Langkah seterusnya ialah mereka perlu memasukkan nombor lesen yang berdaftar dengan MPOB untuk ID Log Masuk dan menggunakan 'Kata Laluan' 123456 bagi pertama kali berurusan dengan e-COST (Rajah 2). Bagaimanapun kata laluan berkenaan boleh diubah sekiranya mereka Berjaya masuk laman soal selidik e-COST.

Bagi pihak estet, mereka perlu melaporkan kos kawasan belum matang (jika ada) dan kawasan matang untuk tahun sebelumnya iaitu bagi kajian 2011 kos yang perlu dilapor adalah kos pada 2010. Kos kawasan matang yang merujuk kepada tanaman sawit berumur tiga tahun dan ke bawah adalah terdiri daripada kos yang tidak berulang (untuk tahun pertama penanaman sawit saja) seperti kos menebang, membaris, bahan tanaman dan sebagainya serta kos penjagaan ladang seperti kos meracun, membaja, membaiki jalan, parit dan lain-lain.


Bagi estet yang memiliki kawasan matang iaitu tanaman sawit yang berumur melebihi tiga tahun mereka perlu melaporkan kos penjagaan, kos penuaian BTS, kos pengangkutan BTS dan kos perbelanjaan am yang merangkumi kos pengurusan di peringkat pejabat ladang dan ibu pejabat seperti kos



MUKA depan e-COST yang mesra pengguna.



ID log masuk dan kata laluan ke bahagian soal selidik.



PAPARAN ringkasan kos pengeluaran BTS.

emolument untuk eksekutif dan bukan eksekutif, kos ibu pejabat, perubatan, insurans dan lain-lain.

Seperti pihak estet, pengilang juga perlu melaporkan kos untuk tahun sebelum kajian iaitu kos untuk tahun 2010 sekiranya kajian adalah untuk tahun 2011. Kos yang perlu dilaporkan adalah kos pemrosesan BTS seperti kos air, bahan kimia, bekalan tenaga, bahan bakar, pengurusan dan pentadbiran dan kos-kos lain seperti kos penghantaran, kos jualan dan sebagainya.

Kaedah secara talian ini lebih cepat berbanding kaedah sebelumnya sama ada di peringkat pengisian maklumat hingga ke peringkat pengeluaran keputusan. Di samping itu, ia membolehkan pihak

estet dan kilang berhubung secara online dengan pegawai MPOB yang terbabit dengan kajian ini.

Sistem e-COST bukan saja memberi manfaat kepada MPOB malah juga kepada pihak estet dan kilang sawit. Di pihak MPOB, sistem e-COST menjimatkan masa dari segi pengumpulan analisis data manakala di peringkat estet dan kilang, sistem yang boleh dilayari sama ada menggunakan Bahasa Melayu atau Inggeris ini akan membantu mereka mengira kos satu tan BTS bagi estet dan kos satu tan MSM bagi kilang.

Selain mesra pelanggan, e-COST akan dapat membantu pihak estet dan kilang memantau arah aliran kos pengeluaran mereka (Rajah 3). Secara tak langsung mereka dapat

mengawal kos pengeluaran agar lebih kompetitif. Yang menariknya, e-COST akan meringkaskan kos purata pengeluaran mengikut kawasan, negeri dan wilayah iaitu sama ada Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak.

Ini bermakna, sekiranya estet berkenaan berada di kawasan Temerloh, Pahang; e-COST purata pengeluaran BTS di Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia. Dengan itu pihak estet boleh membandingkan kos pengeluaran mereka dengan kos kawasan sekitarnya untuk dijadikan sebagai tanda aras dalam pengurusan kos pengeluaran BTS. Ini akan membantu estet ke arah pengurusan kos yang lebih efisien dan lestari.

Kilang Sawit Lenga yakin kadar perahan meningkat

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

TANGKAK: Kilang Sawit Lenga, Muar, Johor optimis berupaya meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) dan akan bekerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk mencapai sasaran ditetapkan 23 peratus menjelang tahun 2020.

MPOB dipertanggungjawabkan melaksanakan 'Entry Point Projects 4' (EPP4) sektor sawit di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) untuk mencapai sasaran berkenaan.

Kilang Sawit Lenga adalah antara kilang sawit yang menerima penempatan pegawai NKEA sejak April 2011, mengakui kehadiran pegawai berkenaan memberi kesan kepada kilangnya meningkatkan OER seperti diharapkan.



PENGARAH Pelesenan dan Penguatkuasa, Adzmi Hassan (Kanan) berbincang mengenai mutu buah sawit bersama Pengurus Kilang Sawit Lenga, Tong Nam Khong (dua dari kiri) dan Pegawai NKEA semasa lawatan ke kilang itu baru ini.

Pengurusnya, Tong Nam Khong, berkata OER kilangnya mengalami peningkatan sebanyak 0.97 peratus pada April lalu berbanding dicatatkan pada bulan Mac.

"Kami percaya OER akan terus meningkat pada bulan-bulan akan datang dan dengan kehadiran pegawai NKEA ini amat membantu dan berharap program ini adalah

untuk jangkamasa panjang.

"Apa yang dapat dikatakan, program ini membantu dan memastikan kilang ini hanya memproses buah sawit berkualiti hasil daripada pengawasan yang rapi daripada Pegawai NKEA," katanya ketika ditemui di kilang berkenaan, baru-baru ini.

"Pegawai NKEA membantu dan mengawasi pekerja kilang melakukan penggredan buah sawit yang diterima daripada pembekal terutama daripada ladang dan pekebun kecil sawit.

"Kita menjangka bekalan buah sawit yang diterima oleh kilang akan kekal konsisten dan bermutu tinggi kerana penggredan dilakukan mengikut manual yang dikeluarkan oleh MPOB," katanya.

Nam Khong berkata, buah sawit yang diproses adalah daripada sumber bekalan buah sawit luar, te-

rutama daripada ladang sawit syarikat perladangan dan pekebun kecil di kawasan berhampiran.

Kilang Sawit Lenga juga mempunyai ladang sawit sendiri seluas 5,000 ekar dan menyumbang bekalan buah sawit sebanyak 5 peratus. Selebihnya adalah bekalan daripada ladang agensi sebanyak 40 hingga 45 peratus dan daripada peniaga serta pekebun kecil.

Ditanya mengenai peraturan MPOB yang menetapkan hanya buah masak diterima untuk diproses, Nam Khong berkata, pihaknya tidak menghadapi masalah mengenai perkara itu kerana mereka mengawalinya dengan melakukan penggredan di peringkat ladang lagi.

"Cuma ada sedikit masalah dengan pekebun kecil, bagaimanapun saya yakin mereka sudah mengetahui peraturan itu," katanya.



MPOC iktiraf peneraju industri sawit

Bekas Ketua Pengarah PORIM, pakar metabolisme lipid terima Anugerah PILA

MENTERI Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) yang ke-4 kepada bekas Ketua Pengarah PORIM (sekarang dikenali sebagai MPOB), Tan Sri Dr Augustine Ong Soon Hock, pada satu majlis yang anjurkan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) baru-baru ini.

Anugerah PILA ialah pengiktirafan MPOC kepada peneraju industri minyak sawit di atas sumbangan mereka kepada industri. Ini termasuk memberi idea yang inovatif, melakukan perubahan kepada polisi sedia ada atau memiliki kualiti kepimpinan tinggi yang memberi manfaat besar kepada industri seperti mewujudkan peluang baru untuk kemajuan serta peningkatan pemasaran minyak sawit.

Pada majlis itu, Dompok mengumumkan peranan dan sumbangan Ong kepada industri sawit negara.

Ong adalah ahli kimia disegani dan pakar dalam sains minyak sawit. Beliau aktif dalam bidang penyelidikan dan pembangunan lebih 45 tahun. Beliau terbabit dalam bidang teknologi dan kimia berkaitan minyak sawit selama 25 tahun.

Beliau juga menerbitkan lebih 380 artikel dan mempunyai 14 paten hasil penyelidikan berkaitan minyak sawit.

Sebagai bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), Ong memainkan peranan penting dalam program menentang kempen anti minyak sawit.

Beliau terus menyumbang kepada industri sawit selepas bersara dari PORIM, sebagai Pengarah Sains dan Teknologi MPOPC (kini dikenali sebagai MPOC) dari 1990 hingga 1996.

Beliau kini terus giat menjalankan aktiviti diminatinya, antaranya sebagai Presiden Malaysia Oil Scientists and Technologist Association (MOSTA) dan Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

Ong juga dikenali di dalam dan luar negara dalam bidang kimia lipid (lipid chemistry) dan dilantik sebagai Pengerusi International Society of Fat Research (ISF) pada 1997; Felo Kanan, Akademi Sains Malaysia; Felo Kanan, Royal Society of Chemistry London dan Felo, Third World Academy of Science.

Pada Mac 2011, beliau menerima anugerah Felo dari King's College London, sebagai pengiktirafan di atas sumbangan beliau selama ini



di dalam bidang sains.

Dengan jaringan hubungan yang luas di dalam industri minyak dan lemak serta bidang akademik, beliau terus aktif menjalankan kerja mempromosi minyak sawit serta khasiat dan kelebihan sawit.

MPOC juga mengiktiraf pakar di dalam bidang metabolisme lipid, Profesor Dr KC Hayes sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Industri Sawit.

Prof Hayes banyak bekerjasama dengan saintis PORIM dan kemudiannya MPOB di dalam penyelidikan berkaitan metabolisme lipid, dengan pengkhususan minyak sawit. Berdasarkan kajian beliau adalah eksport minyak sawit ke Amerika Syarikat kini meningkat mencecah lebih 1 juta tan pada tahun 2010.

Pada majlis sama, MPOC juga mengiktiraf penyumbang Dana Mangsa Banjir Pakistan dan Dana Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia. Syarikat yang menerima pengiktirafan adalah FELDA Holdings Berhad dan Kuala Lumpur Kepong Berhad atas sumbangan untuk Dana Mangsa Banjir



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) kepada Tan Sri Dr Augustine Ong Soon Hock. Turut kelihatan Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

Pakistan; Bursa Malaysia Berhad dan EcoProcessors International Ltd atas sumbangan untuk Dana Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia.

Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) yang pertama diadakan pada 2008 dan dianugerahkan kepada Tun Dr Lim Keng Yaik, atas usaha beliau menangani kempen anti minyak sawit ketika memegang jawatan sebagai Menteri Perusahaan Utama.

Pada 2009, anugerah berkenaan disampaikan kepada Raja Tan Sri Muhammad Alias – antara individu menjadi peneraju terawal industri sawit, terutama FELDA. Beliau juga adalah antara penggerak utama kejayaan FELDA hari ini.

Pada 2010, anugerah PILA disampaikan kepada Datuk Sri Peter Chin Fah Kui, bekas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, atas kepimpinan beliau memastikan perkembangan sektor perkilangan, penapisan dan oleokimia sawit, serta perkembangan produk nilai tambah hiliran industri sawit ketika menjadi menteri di kementerian itu.



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) kepada Professor Dr KC Hayes sambil diperhatikan oleh Dato' Lee Yeow Chor dan Tan Sri Dr Yusof Basiron.



TAN SRI Bernard Dompok berbincang sesuatu dengan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad. Turut kelihatan Dato' Lee Yeow Chor dan Ketua Setiausaha, KPPK, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (kiri).

Industri sawit dan alam sekitar, bincangkan kebaikan dan keburukan

MARCAPADA ini, industri sawit adalah industri komoditi negara yang menjadi penjana utama ekonomi negara dan menyumbang kepada pembangunan negara sejak tahun 1970-an. Hal ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak MPOB yang menunjukkan peningkatan pendapatan dan pengeluaran dari semasa ke semasa. Walau begitu, terdapat juga pro dan kontranya terhadap industri sawit dan alam sekitar.

Sejajar dengan penekanan kerajaan agar memaksimumkan penggunaan teknologi hijau, MPOB telah mengorak langkah dan menyahut seruan kerajaan dengan mengetengahkan konsep yang bijak dan mesra alam bagi mengurangkan penggunaan tenaga dari sumber fosil sepenuhnya.

Bahan buangan industri sawit terutama dari kilang memproses buah sawit berpotensi digunakan sebagai sumber bahan bakar bagi menghasilkan tenaga elektrik dan seumpamanya. Pemerangkapan biogas daripada tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) yang dihasilkan dengan banyak mampu membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan selaras dengan matlamat Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Konsep yang ingin diketengahkan ini mampu memberi faedah yang baik kepada pengguna mahu pun alam sekitar. Selain dapat menjana elektrik, konsep mesra alam ini juga dapat mengurangkan kesan

PEMENANG PERTAMA
Ahmad Naqib Salleh
(No. K/P: 960620-14-6843)
Sekolah Agama Menengah
Rawang, Batu 16, Jalan Ipoh,
Rawang, Selangor

pelepasan karbon dioksida atau gas rumah hijau (GHG) ke udara sekaligus mengurangkan penipisan lapisan ozon. Tambahan pula konsep ini dapat meningkatkan pendapatan negara.

Selain itu, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) telah menyokong tuntutan bahawa biodiesel sawit negara adalah mampan dan jelas sekali mematuhi kriteria kemampanan yang digariskan dalam Renewable Energy Directive di EU dan Renewable Fuel Standard (RFS2) di AS. Di samping itu, data yang diperolehi hasil kerjasama MPOB dengan industri sawit negara dan dijalankan menikut garis panduan piawaian ISO 14040 an ISO 14044.

Hasil kerjasama antara MPOB dengan industri sawit negara, terhasilnya kajian yang membolehkan industri sawit negara mengenal pasti peringkat yang perlu diperbaiki bagi mengurangkan pelepasan GHG dan menyumbang terhadap mitigasi perubahan iklim dan pemanasan global. Ini merupakan antara kebaikan industri sawit terhadap alam sekitar yang perlu

diketengahkan kepada masyarakat.

Seterusnya hasil kerjasama MPOB dengan syarikat swasta juga telah menghasilkan penyelesaian masalah alam sekitar dengan mencipta formulasi baja tinggi nutrien. Baja organik ini dihasilkan daripada sisa buangan sawit seperti 'spent bleaching earth' (SBE), tandan sawit kosong dan POME. Baja organik ini dapat memulihkan SBE yang boleh memudaratkan alam sekitar. Penghasilan baja ini bertepatan dengan konsep 'waste to wealth' serta dapat mengurangkan pelepasan GHG yang dihasilkan melalui aktiviti industri sawit. Ini sekaligus menyumbang kepada pelaksanaan konsep sisa buangan sifar oleh industri sawit.

Daripada sudut perspektif yang berbeza terdapat juga keburukan industri sawit terhadap alam sekitar. Pencemaran bau yang dihasilkan oleh ladang kelapa sawit akan meninggalkan bau yang kurang menyenangkan. Ini merupakan keburukan yang kecil sahaja dan didorong oleh faktor semulajadi.

Seterusnya, pemanasan global yang terhasil daripada pelepasan GHG mengakibatkan perubahan iklim. Namun masalah ini diatasi hasil kerjasama seperti yang dibincang tadi. Oleh itu, kesan negatif industri sawit kepada alam sekitar dapat diatasi dari semasa ke semasa dan tidak lagi menjadi masalah utama.

Jelas di sini terdapat banyak keistimewaan berbanding keburukannya. Pokok serbaguna ini memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai kepada alam sekitar, kesihatan, kehidupan dan juga ekonomi. Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan buahnya memberi nutrisi yang tidak ternilai kepada pengguna seperti vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan dunia.

Ia lebih dari sekadar minyak sayuran. Ia merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.



Pokok serbaguna ini memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai kepada alam sekitar, kesihatan, kehidupan dan juga ekonomi. Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan buahnya memberi nutrisi yang tidak ternilai kepada pengguna seperti vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menjana ekonomi negara dan dunia



Peraduan mengarang esei Berita Sawit Bulan Ogos 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara.

Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Produk sawit Malaysia perlu penuhi piawaian antarabangsa untuk pasaran seluruh dunia. Bincangkan."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama : RM250

Hadiah Kedua : RM200

Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan September 2011 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Ogos 2011
6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6. Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
- u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)
- Keputusan Peraduan Mengarang

Esei Berita Sawit Bulan Julai 2011

Pemenang:
Hadiah Pertama
Ahmad Naqib Salleh
(No. K/P: 960620-14-6843)
Sekolah Agama Menengah Rawang,
Batu 16, Jalan Ipoh,
48000 Rawang, Selangor

Hadiah Kedua
Muhammad Ariffin B. Mustafa
(No. K/P: 940311-01-6713)
SMK Semerah
83600 Semerah, Batu Pahat, Johor

Hadiah Ketiga
Fatin Masshira Bt. Abd Hamid
(No. K/P: 940422-05-5360)
SMK Bandar Baru Serting
72120 Bandar Seri Jempol,
Negeri Sembilan

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 8



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 19 Ogos 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada:
- Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 8)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ

- (Jawapan boleh dirujuk dalam Berita Sawit)
1. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 Betul
 Salah
 2. Apakah nama bahan yang digunakan dalam penyelidikan bagi menghasilkan scrub badan berasaskan sawit?
 Palm Oil
 Dedak Isirung Sawit (PKC)
 Vitamin E
 3. Apakah nama portal yang mengurusniagikan biji dan anak benih sawit secara online?
 e-sawit
 e-niaga
 e-Benih
 4. Apakah nama minyak biodiesel yang dihasilkan oleh MPOB?
 B5
 B6
 B7
 5. Apakah nama skim yang diperuntukkan kepada pekebun kecil untuk menanam semula pokok kelapa sawit bagi menggantikan pokok sawit tua?
 Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)
 Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)
 Skim Tanam Balik Sawit Pekebun Kecil (TSBPK)
 6. Antara berikut, manakah bukan biosim sawit bagi menghasilkan produk?
 Pelepah Sawit
 Batang Sawit
 Akar Sawit
 7. Pilih satu spesies buah sawit yang ditanam di Malaysia?
 Dura
 Elaies
 Rossa
 8. Apakah kandungan vitamin yang terdapat dalam minyak sawit?
 D
 A dan E
 A dan B
 9. Buah sawit boleh dikait dengan menggunakan Pemetong Sawit Bermotor. Apakah nama mesin tersebut?
 CANTAC
 CANTAS
 Sawit Bermotor
 10. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia?
 China
 Indonesia
 Australia

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah:
- No. Tel:
- Tandatangan Guru:

Pemenang Kuiz Sawit Siri 7

1. Erdina Sofea bte Zairol Nizar
Sek. Keb. Taman Paroi Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
2. Mohd Kamal B Mohd Khairi
Sek. Keb. Balok, Kuantan, Pahang
3. Muhammad Hafiz Bin Roslee
Sek. Keb. Saujana Impian 2, Kajang, Selangor
4. Mohammad Faris Fitri Bin Zol
Sek. Keb. St. Anthony, Teluk Intan, Perak
5. Mohammad Firdaus B. Kamarulzaman
Sek. Keb. Kampung Sri Cheding, Banting, Selangor
6. Nur Allah Bt Abdullah
Sek. Keb. Sg. Korok Lama, Alor Star, Kedah
7. Nur Natasya Syazwani Abdul Mushawal
Sek. Ren. Taman Putra Perdana (2), Puchong, Selangor
8. Zalfia Nafisa Bt Faheem
Islamic Integrated School (IIS), Kota Damansara, Kuala Lumpur
9. Muhammad Noah Ihsan Bin Azran
Sek. Keb. Lembah Keramat, Kuala Lumpur
10. Muhammad Danish Amri Bin Zamri
S.K. Taman Sri Andalas, Klang, Selangor



LENSA



TAN SRI Bernard Dompok menunjuk Logo Koperasi Penanaman Sawit Mampan yang dilancar sempena penubuhan Koperasi Daerah Beluran, Sabah baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



TAN SRI Bernard Dompok melawat pameran selepas perasmian Program Kesedaran Industri Sawit (EDUPALM) di SMK Datuk Peter Majuntin, Penampang Sabah baru-baru ini.

TAN SRI Bernard Dompok ditemuramah oleh pemberita radio Australia Broadcasting Channel (ABC) di Canberra sempena lawatan ke Australia baru-baru ini. Turut kelihatan Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron.



TAN SRI Bernard Dompok dan Senator Nick Xenophon berbincang sesuatu mengenai pelabelan minyak sawit dalam produk makanan di bawah Truth in Labelling-Palm Oil yang diluluskan oleh Senat Australia.



TAN SRI Bernard Dompok diiringi Datuk Seri Utama Shahrir Abdul Samad mengadakan perbincangan dengan Senator Nick Xenophon.



TIMBALAN Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin beramah mesra dengan pelatih Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) selepas Penyampaian sijil kursus baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din.



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad menyampaikan Cek Rayuan Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Pengurus Rancangan Felda Kerteh 2, Zamani Othman (tengah). Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo (kanan).